

03/06/2001

Semua pihak diminta hormati keputusan Daim

KUALA LUMPUR: Kalangan pemimpin kerajaan dan parti politik mahu semua pihak menghormati keputusan Tun Daim Zainuddin meletak jawatan Menteri Kewangan berkuatkuasa kelmarin.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata sebagai rakan dalam Kabinet, beliau dapat melihat sumbangan Daim mengatasi kemelesetan ekonomi pada 1986 dan ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Langkah yang diambil termasuk membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah meletakkan ekonomi negara atas landasan yang lebih kukuh, katanya ketika dihubungi semalam.

Dr Mahathir mengesahkan semalam mengenai peletakan jawatan Daim berkuatkuasa kelmarin sekali gus menamatkan spekulasi yang timbul sejak Daim mengambil cuti dua bulan mulai 1 April lalu.

"Keputusan Daim harus dihormati dan saya harap beliau terus berbakti kepada parti dan negara," kata Najib yang juga Naib Presiden Umno.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu menyifatkan keputusan Daim meletakkan jawatan sebagai hak peribadi.

"Saya anggap beliau adalah seorang Menteri Kewangan yang tahu A hingga Z mengenai ekonomi Malaysia dan telah melakukan sesuatu sejak kemelesetan ekonomi pada 1998," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata Daim tahu ekonomi negara dan beliau salah seorang yang bertanggungjawab menyelamatkan ekonomi negara semasa krisis ekonomi berlaku.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting pula berkata: "Kita patut menghormati sebarang keputusan yang dibuat oleh beliau," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan projek komuniti di Help Institute Pusat Bandar Damansara di sini, semalam.

Ong berkata, beliau akan cuba mendapat gambaran sebenar mengenai punca yang menyebabkan bekas Menteri Kewangan itu meletak jawatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim pula berkata keputusan Daim untuk meletakkan jawatan harus dihormati.

"Itu kehendak beliau tetapi wajar direkodkan penghargaan yang amat tinggi terhadap sumbangan beliau dalam bidang kewangan negara," katanya.

Dr Rais berkata beliau yakin Daim akan terus berbakti kepada negara walaupun berundur daripada Kabinet.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata Kedah kehilangan seorang pemimpin yang banyak memberi sumbangan dan nasihat dalam pembangunan negeri.

Beliau berkata, Daim sebagai seorang pemimpin yang berasal dari negeri ini sangat memahami serta menyokong perlunya kerajaan negeri membawa pembangunan. Daim adalah anggota Parlimen Merbok.

"Kita berasa kehilangan yang amat besar. Sepanjang menjadi Menteri Kewangan beliau sering pulang ke Kedah dan meninjau beberapa projek pembangunan," katanya.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, peletakan jawatan Daim tidak mengejutkan sebab sebelum ini Daim telah bercuti tetapi beliau masih berada di pejabatnya untuk mengemaskan fail.

Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman berkata peletakan jawatan Daim merupakan satu kehilangan besar.

"Puteri Umno mengucapkan terima kasih kepada Tun kerana Tun banyak memberi pandangan dan nasihat dan kita berharap Tun akan terus berbakti

dan bersedia memberikan pandangan bila diperlukan," katanya.

Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Ali Rustam berkata beliau terperanjat dengan peletakan jawatan Daim.

(END)